



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA



SIARAN MEDIA

**30 OGOS 2019
UNTUK SIARAN SERTA MERTA**

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENGIKTIRAF KEPAKARAN DAN KEUPAYAAN TEKNIKAL CYBERSECURITY MALAYSIA

CYBERJAYA - CyberSecurity Malaysia, pusat pakar teknikal keselamatan siber di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) hari ini menerima kunjungan dari YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Dato' Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

Lawatan ulung oleh Timbalan Perdana Menteri ini bertujuan meninjau dengan lebih dekat prasarana dan fasiliti yang terdapat di CyberSecurity Malaysia serta teknologi yang digunapakai dalam bidang keselamatan siber.

Beliau melawat Makmal Forensik Digital yang berperanan dalam pembangunan dan penyelidikan bidang sains forensik digital di Malaysia. Makmal ini membantu siasatan kes-kes berkaitan forensik digital dari agensi penguatkuasaan seperti analisis terhadap bahan eksibit elektronik dan juga digital. Di samping itu, melalui keupayaan forensik digital, pelbagai perkhidmatan ditawarkan secara inovatif seperti forensik multimedia (audio dan video), forensik telefon mudah alih, pemulihan dan pelupusan data dari media storan digital, forensik biometric, forensik peranti terbenam, forensik pengkomputeran awan dan data raya.

Timbalan Perdana Menteri juga meninjau Pusat Operasi dan Pelaporan Insiden Siber – Cyber999 dikendalikan oleh Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Malaysia atau MyCERT yang bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan bagi menangani insiden-insiden keselamatan siber di Malaysia seperti penipuan siber, gangguan perkhidmatan (DOS), pencerobohan sistem, kecurian identiti, jangkitan malware, gangguan siber di media



Best Brand
Internet Security
2008 & 2009



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013
CERT. NO.: 148-4658



MS ISO/IEC 17025
TESTING
SAMM NO. 458
(MYCET LABS/ISO/IEC)



Status Company



Jaya Cukai Online
Penerimaan Perlesenan

CyberSecurity Malaysia
(726630-U)

T +603 8800 7999
F +603 8008 7000
H 1 300 88 2999

Corporate Office:
Level 7, Tower 1
Menara Cyber Axis
Jalan Impact
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my



Securing Our Cyberspace

sosial, spam, laporan kelemahan sistem serta lain-lain insiden berkaitan keselamatan siber. Pusat Pelaporan Insiden Siber - Cyber999 merupakan platform untuk pengguna internet di Malaysia membuat laporan insiden keselamatan siber yang dihadapi mereka.

CyberSecurity Malaysia ditubuhkan menjadi sebuah entiti pada 2007 sebagai pusat pakar teknikal keselamatan siber yang diberi tanggungjawab untuk memastikan aspek e-Keselamatan Nasional. Di samping itu, CyberSecurity Malaysia mendapat mandat dari Kerajaan untuk mengenal pasti bidang-bidang yang boleh membahayakan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat secara berterusan.

Dengan kekuatan warga kerja terdiri dari 83% teknologis, CyberSecurity Malaysia berupaya menawarkan pelbagai perkhidmatan berkaitan keselamatan siber, menyediakan bantuan teknikal kepada semua pihak termasuk program latihan dan pembangunan kapasiti dalam bidang keselamatan siber. CyberSecurity Malaysia menjadi rujukan utama kepada perkara teknikal berkaitan keselamatan siber.

Untuk maklumat lanjut mengenai CyberSecurity Malaysia, sila layari <http://www.cybersecurity.my>.

~ Tamat ~

Dikeluarkan oleh Jabatan Outreach dan Komunikasi Korporat, CyberSecurity Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, hubungi media@cybersecurity.my atau +603-8800 7999 – Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 7237) dan Zul Akmal Abdul Manan (ext: 7242).